



Original Article

## Perbincangan Tentang Takdir: *Ḍawābiṭ* dan Sorotan Literatur

### *Discussion on Taqdīr: Ḍawābiṭ and Literature Review*

Muhammad Hazim Mohd Azhar<sup>a\*</sup> & Syed Mohammad Hilmi Syed Abdul Rahman<sup>a</sup>

<sup>a</sup> Department of Aqidah and Islamic Thought, Academy of Islamic Studies, University of Malaya, Malaysia

\* Corresponding author, email; hazimazhar@siswa.um.edu.my

#### ABSTRACT

Al-Taqdīr is one of the things that God has kept obscure. It should be understood from the Quran and al-Hadith which is guided by the understanding of the scholars as it is not something that will be easily accepted by our logical mind and senses. There are several hadiths and views of Islamic scholars that prohibit debates and exploration in details on the matter of fate. Nonetheless, there are also views that permits it and at the same time make it as compulsory discussion. With regard to this matter, this study attempts to discuss on the question of destiny, the principles concern in debating about destiny and highlighting the previous studies on it. The method used in this study to collect data is through documentation. Based on the surveys of studies done on the concept of destiny, many aspects have been evaluated, some even associate it with a branch of modern disciplines such as psychology. This proves that the discussions on fate is allowed in accordance with the guidelines that has been established by the scholars.

**Keywords:** al-Taqdīr, al-Qaḍā' al-Qadar, Ḍawābiṭ al-Taqdīr

#### Pengenalan

Dalam tradisi keilmuan Islam, konsep takdir telah dibincangkan sejak sekian lama sehingga lahirnya pelbagai aliran yang mencapah. Apa yang lebih dominan adalah kemunculan dua mazhab akidah yang saling bertentangan iaitu *al-Qadariyyah* dan *al-Jabriyyah* yang akhirnya dijawab dan diselesaikan oleh aliran *Ahl Sunnah wa al-Jamā'ah*. Lebih terdahulu, wujud perbezaan pandangan dalam persoalan apakah harus atau tidak dalam membincangkan mengenai takdir kerana wujud nas larangan berbahas mengenainya dan dalam masa yang sama wujud juga nas yang membenarkannya. Oleh itu, makalah ini cuba mengupas hukum perbincangan dan batasan mengenai takdir serta panduan berbahas mengenainya di samping cuba meneliti penulisan dan kajian-kajian yang berkaitan dengannya.

### **Dawabit Perbahasan Takdir**

Perbahasan konsep takdir telah lama diperbincangkan oleh umat Islam sejak berkurun lama sehingga wujud pelbagai teori dan fahaman sekitar permasalahannya. Namun adakah mereka tidak pernah sedar akan larangan nabi dari membincangkannya? Tidakkah mereka pernah mendengar mengenai potongan hadith Rasulullah yang bermaksud, *“apabila disebut tentang takdir, maka tahanlah diri kalian (daripada membahaskannya)!?”*<sup>1</sup>

Tidakkah mereka mengetahui peristiwa Abu Hurairah dan sahabat lain yang sedang berselisih faham berkenaan takdir didatangi oleh Rasulullah dalam keadaan marah sehingga pipi baginda menjadi merah? Ketika itu juga baginda bertanya, *“Adakah kerana ini kamu diperintahkan? Atau adakah kerana ini aku diutuskan kepada kamu? Sesungguhnya binasanya orang-orang sebelum kalian adalah lantaran perselisihan mereka dalam perkara ini. Oleh itu, aku bersumpah agar kalian tidak berdebat mengenainya”*<sup>2</sup> Nabi juga pernah mengharapkan agar perbahasan mengenai takdir tidak dilakukan oleh para sahabat, tetapi perbahasan tersebut berlaku dalam kalangan umat akhir zaman sebagai tanda wujudnya unsur negatif dan buruk pada umat tersebut.<sup>3</sup>

Berdasarkan hadith-hadith ini, sebahagian umat Islam menganggap berbahas mengenai takdir adalah dilarang. Menurut mereka lagi, perbahasan mengenai takdir akan melahirkan keraguan, kebingungan, kegeliciran dan kesesatan. Perkara ini lahir akibat ketidakupayaan makhluk untuk menanggapi kerana ia merupakan rahsia Allah terhadap makhluk-Nya. Ia tidak dapat diketahui oleh sesiapa walaupun daripada golongan malaikat yang dekat dengan Allah dan juga para nabi yang diutus. Memperdalam dan meneliti mengenai takdir merupakan sebab kehinaan, tangga keterhalangan dan saluran menuju kejahatan. Hal ini adalah kerana Allah sendiri telah menutup ilmu takdir dari pengetahuan manusia dan melarang mereka mencampurinya,<sup>4</sup> sebagaimana firman-Nya yang bermaksud, *“Dia tidak boleh ditanya tentang apa yang Dia lakukan, sedang merekalah yang akan ditanya kelak.”*<sup>5</sup>

---

<sup>1</sup> Hadith riwayat Ibnu Mas‘ud, Bab Ma Warada min al-Nahyi ‘an Majalisah al-Qadariyyah, hadith no. 44. Lihat, Abu Bakr Ahmad al-Baihaqi, *al-Qada’ wa al-Qadar* (Kaherah: Dar al-Taufiqiyyah li al-Turath, 2010), 195.

<sup>2</sup> Hadith riwayat al-Tirmidhi, Abwab al-Qadr ‘an Rasul Allah, Bab Ma jaa min al-Tasydid fi Khaud fi al-Qadr, no. Hadith 2133. Lihat Abu ‘Isa Muhammad bin ‘Isa al-Tirmidhi, “Jami’ al-Tirmidhi,” dalam *Mausu‘ah al-Hadith al-Syarif al-Kutub al-Sittah*, ed. Salih bin ‘Abd al-‘Aziz Al al-Shaykh (Riyad: Dar al-Salam, 2000), 1865. Al-Tirmidhi menyatakan bahawa hadiths ini adalah Gharib, kami tidak mengetahuinya kecuali dari jalur sanad ini iaitu melalui Salih al-Murri, dan beliau memiliki banyak hadith Gharib yang dia riwayatkan dengan sendirian dan beliau juga bukan menjadi ikutan orang lain. Hadith lain yang semakna juga turut diriwayatkan oleh Ibnu Majah, Bab fi al-Iman, no. Hadith no. 85. Lihat Abu ‘Abd Allah Muhammad Ibn Majah, “Sunan Ibn Majah,” dalam *Mausu‘ah al-Hadith al-Syarif al-Kutub al-Sittah*, 2482.

<sup>3</sup> Sila rujuk hadith di dalam Suhaib ‘Abd al-Jabbar, *Kitab al-Jami’ al-Sahih li Sunan wa al-Masanid* (t.t: t.tp), 3: 315.

<sup>4</sup> Abu Ja‘far al-Tahawi, *Matan al-‘Aqidah al-Tahawiyah, bayan ‘Aqidah Ahl al-Sunnah wa al-Jama‘ah* (Bayrut : Dar Ibn Hazm, 1995).

<sup>5</sup> Surah al-Anbiya’ 21:23.

Menurut Abu Ja'far al-Tahawi, celaka bagi orang yang menjadi penentang Allah dalam masalah takdir. Dia mencari perkara ghaib yang sangat rahsia dengan hanya ilusinya. Dari itu, dia akan menjadi orang yang berkata dusta dan dosa dalam masalah ini.<sup>6</sup> Sebahagian lain pula menyatakan keterlaluan penelitian dalam membincangkan konsep takdir juga menjadi punca lahirnya pelbagai aliran sehingga memecahkan lagi kesatuan ummah.<sup>7</sup>

Namun sebahagian daripada umat Islam yang lain berpegang bahawa larangan tersebut bukanlah bersifat mutlak kerana ulama sejak sekian lama telah membahaskannya. Perbahasan mereka bukanlah hanya berkiblatkan hawa nafsu tetapi ia dilatari beberapa faktor keperluan untuk membincangkannya.

Boleh dikatakan faktor utamanya adalah kerana ia merupakan salah satu rukun iman yang enam. Keimanan terhadap takdir bersama keimanan terhadap lima rukun yang lain dibicarakan dalam hadith Jibril yang diakhiri dengan sabda Nabi, "*Dia adalah Jibril yang datang untuk mengajarkan agama kamu.*"<sup>8</sup> Fahamnya di sini, mempelajari mengenai takdir juga merupakan sebahagian daripada agama. Penafian terhadapnya menjerumuskan penafian terhadap rukun-rukun iman yang lain. Oleh itu, ia perlu diperjelas dan dibincangkan dengan tuntas kerana keimanan yang jitu tidak akan terbina melainkan perlu meniti di atas pengetahuan dan kefahaman.

Selain itu, Allah memerintahkan hamba untuk memahami dan memikirkan ayat-ayat al-Quran seperti firman Allah dalam surah al-Sad ayat 29 yang bermaksud: "*(Al-Quran ini) sebuah kitab yang Kami turunkan kepadamu (dan umatmu wahai Muhammad), kitab yang banyak faedah dan manfaatnya, untuk mereka memahami dengan teliti kandungan ayat-ayat-Nya, dan untuk orang-orang yang berakal sempurna beringat mengambil iktibar.*" Dalam masa yang sama juga banyak ayat al-Quran yang menyentuh berkenaan dengan konsep takdir. Sehubungan itu ayat berkenaan konsep takdir seharusnya turut difahami dan difikirkan.

Berkenaan hadith larangan di atas, peninjauan terhadap hadith lain yang seakan membenarkan perbincangan mengenai takdir seperti hadith persoalan Jabir kepada Rasulullah mengenai tujuan kita beramal pada hari ini sedangkan *Qalam* telah kering (penulisan takdir di *Luh Mahfuz* telah terhenti) dan takdir sedang berjalan. Baginda menjawab, "*Lakukanlah amal kerana ia telah dipermudahkan (untuk melakukan sesuatu yang telah ditakdirkan untuknya.*"<sup>9</sup> Ini menjadi bukti bahawa konsep takdir turut difikirkan oleh para sahabat kemudian dijawab oleh

---

<sup>6</sup> Abu Ja'far al-Tahawi, *Matan al-'Aqidah al-Tahawiyyah, bayan 'Aqidah Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah*.

<sup>7</sup> Salim `led al-Hilali, *al-Manahisy Syar'iyah fi Sahih al-Sunnah al-Nabawiyyah*, Ensiklopedi Larangan menurut al-Quran dan al-Sunnah, terj. Abu Ihsan al-Atsari (Pustaka Imam Syafi'i, 2006), 3: 393-421.

<sup>8</sup> Hadith riwayat al-Bukhari, Kitab al-Iman, Bab Sual Jibril al-Nabi, no. hadith 37. Lihat Abu Abd Allah Muhammad bin Isma'il al-Bukhari, "Sahih al-Bukhari," dalam *Mausu'ah al-Hadith al-Syarif al-Kutub al-Sittah*, ed. Salih bin Abd al-'Aziz Al al-Shaykh (Riyad: Dar al-Salam, 2000), 6.

<sup>9</sup> Hadith riwayat Muslim, Kitab al-Iman, Bab Kaifiyyah Khalq al-Adami, no. Hadith 6731. Lihat Abu al-Husayn Muslim bin al-Hajaj bin Muslim, "Sahih Muslim," dalam *Mausu'ah al-Hadith al-Syarif al-Kutub al-Sittah*, ed. Salih bin 'Abd al-'Aziz Al al-Shaykh (Riyad: Dar al-Salam, 2000), 1139.

Rasulullah. Bahkan para sahabat sendiri menyampaikan kepada para tabi'in mengenai takdir seperti kisah Abu al-Aswad al-Dua'li dan 'Imran bin al-Husain.<sup>10</sup>

Tidak terhenti di situ, para ulama terkemudian sehingga kini menulis dan menyusun karya mengenai takdir. Larangan membincang mengenai konsep takdir bererti menganggap usaha mereka sebagai suatu tindakan yang bodoh.<sup>11</sup> Al-Nawawi menyatakan ketetapan takdir telah dipastikan melalui dalil qat'i daripada al-Quran, al-Hadith, ijma' sahabat dan ijma' *ahli hall wa 'aqd*,<sup>12</sup> dari generasi salaf dan khalaf. Tambah beliau lagi, ramai ulama telah menulis mengenai takdir dan antara yang terbaik dan banyak memberi faedah adalah karya oleh Abu Bakr al-Baihaqi.<sup>13</sup>

Jika konsep takdir dikupas dan dibincangkan secara tersusun dan terperinci, pelbagai manfaat akan dapat diperoleh. Ilmu sekitarnya dapat dikembangkan serta mampu membina skema jawapan dalam mendepani persoalan dan kekeliruan yang timbul dalam masyarakat. Namun jika sebaliknya, maka ia seakan membuka ruang yang sangat besar untuk lahirnya pelbagai aliran bid'ah dan sesat. Para pendokong aliran tersebut cuba mengemukakan argumentasi yang bukan sahaja merosakkan akidah mereka malah turut mempengaruhi umat Islam lainnya. Keadaan ini seterusnya menatijahkan penyebaran wabak kejahilan dan kemandoman dalam masyarakat Islam.

Berdasarkan pertembungan dua pandangan yang saling bertentangan ini dapat disimpulkan bahawa larangan berbahas mengenai konsep takdir bukanlah bersifat mutlak, tetapi ia hanya tertakluk kepada perbahasan yang dilakukan secara batil. Adapun jika berbahas dengan cara yang betul adalah dibenarkan. Antara perbahasan secara batil ialah membincangkannya tanpa disertai ilmu dan dalil.<sup>14</sup> Ini adalah berdasarkan firman Allah: "*Dan janganlah engkau mengikut apa yang engkau tidak mempunyai pengetahuan mengenainya. Sesungguhnya pendengaran*

---

<sup>10</sup> Kisah ini berkenaan persoalan yang dikemukakan oleh 'Imran bin al-Husain kepada Abu al-Aswad al-Dua'li dengan katanya, "Apakah pandanganmu tentang sesuatu yang dikerjakan oleh manusia sekarang merupakan sesuatu yang telah ditetapkan sebelumnya oleh Allah dan sesuai dengan ketentuan yang telah berlalu bagi mereka, atau juga apa yang akan mereka hadapi dari hal-hal yang telah dibawa oleh nabi mereka dan hujjah telah berlaku pada mereka?" Persoalan tersebut dijawab dan dibenarkan oleh Abu al-Aswad. Lihat Muhammad ibn Ibrahim al-Hamd, *Al-Iman bi al-Qada' wa al-Qadar* (Riyad: Dar Ibn Khuzaymah, 2007), 20.

<sup>11</sup> *Ibid.*, 21.

<sup>12</sup> *Ahli al-Halli wa al-'Aqd* secara terminologi bermaksud orang-orang yang ahli dalam menghurai sesuatu yang rumit dan mengikat sesuatu yang luas. Mereka merupakan orang yang beilmu, bijaksana dan menjadi anggota Dewan Syura yang berperanan mendampingi pemimpin membincangkan mengenai urusan kemaslahatan umat Islam sama ada ulama, umara, para hakim, para panglima dan individu-individu lain. Lihat, Abu Muhammad Waskito, *Mendamaikan Ahlus Sunnah wal Jamaah* (Jakarta: al-Kautsar, 2012), 25.

<sup>13</sup> Muhy al-Din al-Nawawi, *al-Minhaj Syarh Sahih Muslim bin al-Hajjaj* (Bayrut: Dar al-Ma'rifah, 1995), 1: 154-155. Berkenaan karya al-Baihaqi boleh lihat, Abu Bakr Ahmad al-Baihaqi, *al-Qada' wa al-Qadar* (Kaherah: Dar al-Taufiqiyyah li al-Turath, 2010).

<sup>14</sup> Muhammad ibn Ibrahim al-Hamd, *Al-Iman bi al-Qada' wa al-Qadar*, 21.

dan penglihatan serta hati, semua anggota-anggota itu tetap akan ditanya tentang apa yang dilakukannya.”<sup>15</sup>

Perbahasan takdir merupakan perkara rahsia dan ia tidak akan dapat difahami melainkan disulahi keterangan al-Quran dan al-Hadith. Manusia yang cuba meneliti perbahasan konsep takdir tanpa melalui lorong keilmuan yang didasari oleh nas, pasti akan tergelincir ke lembah kesesatan kerana sering mencari *'illah* (alasan) pada setiap *af'al* (perbuatan) Allah. Oleh itu, perbahasan takdir yang hanya berteraskan logik akal dan cerapan pancaindera tanpa panduan wahyu adalah dilarang. Akal dan pancaindera merupakan sumber ilmu yang sangat terbatas. Kedua-duanya sukar untuk menanggapi perkara-perkara ghaib termasuklah permasalahan mengenai takdir.

Berusaha menyelongkar rahsia yang memang sengaja disembunyikan oleh Allah juga merupakan perkara yang dilarang. Berbahas sehingga cuba mencari makna hakikat sebenar-benarnya mengenai takdir turut dikira sebagai perkara yang batil kerana para malaikat dan nabi sendiri yang dekat dengan Allah pun tidak mampu mengetahuinya, apatah lagi kemampuan akal manusia yang bersifat dangkal dan lemah.

Antara maksud perbincangan secara batil juga adalah berbahas mengenai takdir dan dalam masa yang sama tidak patuh dan tunduk dalam menerima takdir Allah. Perbahasan tersebut bukanlah untuk mencari kebenaran, tetapi hanyalah berbentuk pertikaian dan sanggahan terhadap ketetapan takdir. Keadaan tersebut seterusnya menjerumus kepada ungkapan atau pertanyaan yang menunjukkan ketidakpuasan terhadap nas dan ketentuan yang telah ditetapkan oleh Allah. Lebih parah apabila ia memecah-belah kesatuan umat Islam natijah daripada perdebatan sia-sia yang berpanjangan. Walaupun begitu, harus ditegaskan bahawa bukan semua perdebatan atau perbincangan mengenai masalah takdir ditegah syarak, perdebatan yang bertujuan untuk mencari kebenaran, membongkar kejelekan dan syubhah serta membidas hujah aliran sesat adalah dibenarkan kerana ia bertujuan menegakkan perkara yang hak dan menolak perkara yang batil.

Jelasnya, perbahasan takdir secara batil adalah dilarang. Namun jika ia dibahaskan secara benar iaitu berteraskan panduan wahyu dan penghujahan akliah mengikut neraca ulama *Ahli Sunnah wa al-Jama'ah* ia adalah diharuskan. Malahan juga terkadang menjadi wajib apabila berhadapan dengan *syubhah* (kekeliruan) yang timbul hasil daripada kejahilan sebahagian umat Islam dan serangan pemikiran daripada musuh-musuh Islam. Berdasarkan *dawabit* ini, penulis cuba menyorot beberapa kajian atau penulisan berkaitan dengan konsep takdir yang pernah dihasilkan.

---

<sup>15</sup> Surah al-Isra', 17:36.

### Sorotan Literatur Perbahasan Takdir

Sebagai seorang muslim, perbahasan berkaitan takdir perlu difahami dengan baik kerana ia sangat berkait dengan keimanan. Oleh itu, segala persoalan berkaitan dengannya harus diteliti dan dihadap bagi menolak anasir yang memburukkan agama Islam seterusnya memperteguh dan memperkukuhkan iman seseorang. Justeru, wujud penulisan yang cuba menjawab persoalan-persoalan yang lahir sekitar permasalahan konsep takdir. Antaranya persoalan usaha, ikhtiar, doa, *iradah* Allah dan *iradah* makhluk iaitu masalah-masalah yang selalu disalahfahami oleh masyarakat. Persoalan-persoalan ini cuba dikupas secara tuntas dalam penulisan bertajuk *Permasalahan Sekitar Qada' dan Qadar* oleh Syed Mohammad Hilmi.<sup>16</sup>

Konsep takdir ini perlu difahami melalui al-Quran dan al-Sunnah mengikut tafsiran ulama atau metodologi yang disusun oleh mereka. Dari itu, Mira Fauziah telah menulis artikel yang bertajuk *Beriman Kepada Qadha Dan Qadar Dalam Al-Qur'an*.<sup>17</sup> Penulisan ini menyenaraikan beberapa ayat al-Quran yang menyebutkan kalimah *Qada'* dan kalimah *Qadar* yang setiap satunya mempunyai makna-maknanya yang tersendiri berdasarkan konteks ayat. Penulisan ini juga menekankan takdir yang telah ditetapkan oleh Tuhan berdasarkan kemaslahatan makhluk dengan maksud takdir yang ditetapkan berbeza-beza. Takdir kepada manusia berbeza dengan makhluk lain kerana manusia dikurniakan akal dalam menilai dan menentukan pilihan-pilihan bagi menjalani takdir tertentu atau tidak. Begitu juga kajian yang mengenegahkan perbahasan takdir yang difahami dan dianalisis daripada hadith nabi seperti penulisan bertajuk *Qadaya al-Qadr: Dirasat Mawdu'iyat 'Aqdiyah fi Sahih al-Bukhari* oleh Hadiy 'Alwan Najm al-Mawla.<sup>18</sup> Penulisan ini memfokuskan perbahasan di dalam bab takdir yang terkandung di dalam kitab hadith *Sahih al-Bukhari*.

Kajian-kajian yang menyentuh perbahasan mengenai konsep takdir, pasti tidak akan terlepas daripada menyentuh dan mengupas firqah-firqah yang wujud akibat daripada faham al-*Qada'* dan al-*Qadar*. Pendebatan dua aliran teologi iaitu aliran al-*Jabariyyah* dari satu sudut firqah yang berpandangan bahawa segala yang terjadi telah ditetapkan sehingga memposisikan dimensi hamba sebagai watak pasif yang sekadar 'ditentukan' dan aliran al-*Qadariyyah* dari sudut firqah yang beranggapan bahawa segala kelakuan tindakan makhluk adalah mutlak tanpa intervensi Tuhan.

Walaupun segalanya telah ditetapkan oleh Allah, bukan bermakna kita hanya perlu berdiam diri atau berpeluk tubuh tanpa perlu berikhtiar. Allah mengurniakan ikhtiar sebagai alat usaha dalam menempuhi kehidupan. Takdir dan ikhtiar mempunyai kaitan yang amat kuat dengan maksud manusia sepatutnya mengkondisikan keduanya secara beriringan. Kesan kefahaman yang benar terhadap konsep takdir memberi rangsangan agar sentiasa merencana dan mencari jalan dalam menelusuri kehidupan di dunia.

<sup>16</sup> Syed Mohammad Hilmi, "Permasalahan Sekitar Qada' dan Qadar," *Jurnal Afkar* 7 (2006), 63-92.

<sup>17</sup> Mira Fauziah, "Beriman Kepada Qadha Dan Qadar Dalam al-Qur'an," *Jurnal al-Mu'ashirah* 11, no. 1, (Januari 2014), 51-65.

<sup>18</sup> Hadiy 'Alwan Najm al-Mawla, "Qadaya al-Qadr: Dirasat Mawdu'iyat 'Aqdiyah fi Sahih al-Bukhari," (tesis kedoktoran Usuluddin, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 2014).

Manusia bukan sahaja dikurniakan roh dan jasad, malah akal turut dihadirkan bersama untuk manusia jadikan ia sebagai neraca membuat pilihan. Kebebasan juga memberi manifestasi kepada kepelbagaian tindakan manusia. Dari itu, terdapat penulisan yang cuba menghuraikan konsep kebebasan atau kemerdekaan yang wujud dalam diri manusia untuk membuat pilihan. Antaranya ialah *Karya Patung Sebagai Media Ekspresi Perenungan Kemerdekaan Manusia Dalam Menentukan Pilihan Nasib*.<sup>19</sup> Penulisan ini menyentuh potensi dan manifestasi daripada kebebasan yang Allah beri kepada manusia. Tanpa potensi kebebasan, manusia tidak mampu memberi kualiti dalam segala hal tindakannya. Kebebasan ini merupakan satu kudrat individual yang sudah pastinya dimiliki oleh manusia.

Menyentuh berkenaan konsep kebebasan yang wujud dalam perbuatan hamba, golongan *al-Mu'tazilah* dalam usaha mereka mentanzihkan Allah daripada sifat zalim, berpegang bahawa segala perilaku perbuatan manusia adalah tanpa campur tangan dari Allah. Pengaplikasian kaedah '*Qiyas al-Ghaib 'ala al-Shahid*' telah digunakan aliran ini secara meluas dalam pembinaan hujah-hujah mereka. Penulisan artikel Abdull Rahman Mahmood dan Mohd Haidhar Kamarzaman bertajuk *Nazariah Af'al al-'Ibad 'Inda al-Mu'tazilah*<sup>20</sup> dan artikel Engku Ahmad Zaki Engku Alwi yang bertajuk *al-Mu'tazilah wa Musahamatuhum fi al-Fikr al-Islami*<sup>21</sup> membincangkan hujah-hujah *al-Mu'tazilah* dalam mempertahankan teori mereka dengan argumentasi manusia menetapkan sesuatu dan mewujudkan perbuatannya, baik atau jahat tanpa terikat dengan Tuhan. Oleh kerana itulah, manusia berhak menerima ganjaran atau dibebani hukuman di akhirat. Engku Ahmad cuba menonjolkan lima prinsip penting yang dipegang oleh *al-Mu'tazilah* dan ulasan perbezaan antara mereka dan aliran *al-Asha'irah* dalam memahami *al-Qada'* dan isu *al-Qadar* mengikut garis panduan al-Quran dan al-Sunnah.

Kekeliruan *al-Mu'tazilah* dalam memahami konsep takdir telah melahirkan ketidakpuasan dua orang tokoh iaitu Abu Hassan al-Asy'ari dan Abu Mansur al-Maturidi terhadap argumentasi dan pandangan-pandangan yang dilontarkan oleh aliran tersebut sehingga tersebar dua mazhab Ahl Sunnah wa al-Jama'ah ke pelosok dunia yang dikenali sebagai aliran *al-Asha'irah* dan *al-Maturidiyyah*. Oleh itu, terdapat banyak persamaan antara kedua aliran ini. Walaupun begitu, tetap wujud sedikit perbezaan antara keduanya dalam memahami konsep takdir.

Polemik kefahaman konsep takdir antara aliran *al-Asha'irah* dan *al-Maturidiyyah* bertitik-tolak dari pertembungan perbincangan terhadap konsep perbuatan Allah. Mohd Hamidi Ismail dan Mohd Fauzi Hamat mengupas polemik tersebut di dalam artikel bertajuk *Af'al Allah Menurut Ahl al-Sunnah Wa Al-Jama'ah*<sup>22</sup> sehingga digabungjalinkan pandangan kedua-duanya

---

<sup>19</sup> Cipto Raharjo, "Karya Patung Sebagai Media Ekspresi Perenungan Kemerdekaan Manusia Dalam Menentukan Pilihan Nasib," (disertasi Sarjana Universitas Sebelas Maret, Surakarta, 2004).

<sup>20</sup> Abdull Rahman Mahmood dan Mohd Haidhar, "Nazariah Af'al al-'Ibad 'Inda al-Mu'tazilah," *International Journal of Islamic Thought* (Disember 2014), 87-102.

<sup>21</sup> Engku Ahmad Zaki Engku Alwi, "al-Mu'tazilah wa Musahamatuhum fi al-Fikr al-Islami," *Jurnal Usuluddin* 18 (2003), 211-226.

<sup>22</sup> Mohd Hamidi dan Mohd Fauzi, "Af'al Allah menurut Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah," *Jurnal Afkar* 17 (2015), 1-24.

oleh al-Ghazali dalam menolak dakwaan keqadiman alam oleh ahli falsafah. Sebagai kesimpulannya, pertembungan ini bukanlah perkara yang menimbulkan pertelingkahan sesama Ahl al-Sunnah Wa al-Jama'ah, bahkan ia mencerminkan kesatuan dalam bermanhaj.

Walaupun merupakan pendokong aliran *al-Asha'irah*, bagi Daud al-Fatani mempunyai pandangannya sendiri mengenai persoalan *af'al al-'ibad* malah lebih cenderung berpegang kepada pandangan aliran *al-Maturidiyyah* apabila beliau banyak memetik pendapat daripada ulama *al-Maturidiyyah*. Abdull Rahman Mahmood dan Mudasir Rosder yang menulis artikel bertajuk *Persoalan Perbuatan Manusia Menurut Pandangan Syeikh Daud al-Fatani*<sup>23</sup> membuat kesimpulan bahawa penafsiran aliran *al-Maturidiyyah* lebih mudah difahami berbanding perbincangan oleh ulama *al-Asha'irah* yang seakan masih belum keluar daripada elemen *jabr* (paksaan).

*Al-Jabr* merupakan satu istilah merujuk kepada kefahaman yang menolak langsung *iradah* pada makhluk. Isu penolakan *iradah* yang wujud pada makhluk telah melemahkan umat Islam telah dikupas oleh Ahmad Sunawari Long dalam artikelnya yang bertajuk *Falsafah Fatalisme Dan Minda Melayu*<sup>24</sup> dan Wan Zailan Kamaruddin dalam *Aliran al-Mujbirah dan Kesan Pemikirannya di Malaysia*.<sup>25</sup> Kesan negatif ini dapat dilihat dalam umat Islam terutamanya dalam bangsa Melayu apabila semangat ijtihad tidak diperkembangkan dan falsafah fatalisme diterima dan dipegang oleh masyarakat. Penulis sendiri beranggapan walaupun aliran *al-Jabariyyah* tidak lagi wujud kini dari sudut penjenamaan, namun fikrahnya masih dipegang utuh dalam masyarakat umat Islam khususnya bangsa Melayu. Pemandulan usaha manusia untuk sentiasa bergerak membina kemajuan adalah disebabkan pegangan fikrah *al-Jabariyyah* atau lebih dikenali kini sebagai fahaman fatalisme. Kesannya, masyarakat terus hidup di dalam dimensi kemandoman dan berterusan membonceng kejahilan.

Penolakan terhadap fahaman fatalisme adalah dengan memberi kesedaran dan kefahaman kepada umat manusia bahawa mereka juga mempunyai *iradah* yang Allah kurniakan. Kehendak tersebut hendaklah diselarikan dengan tanggungjawab yang Allah tetapkan kepada manusia sebagai khalifah di atas muka bumi. Penulisan artikel yang bertajuk *Kehendak Manusia: Justifikasi dan Pengkategorian Berdasarkan Tanggungjawab*<sup>26</sup> misalnya cuba membincangkan hubungan antara kehendak dan tanggungjawab manusia mengikut pelbagai aliran dengan menonjolkan dua pengkelasan iaitu sebahagian konsep kehendak perlu ditanggungjawabkan

---

<sup>23</sup> Abdull Rahman Mahmood dan Mudasir Rosder, "Persoalan Perbuatan Manusia Menurut Pandangan Syeikh Daud al-Fatani" (makalah, International Seminar On Islamic Thoughts Proceedings, Islam: Past, Present And Future, Jabatan Usuluddin dan Falsafah, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, 7-9 Disember 2004), 127-137.

<sup>24</sup> Ahmad Sunawari Long, "Falsafah Fatalisme Dan Minda Melayu," (makalah, International Seminar On Islamic Thoughts Proceedings, Islam: Past, Present And Future, Jabatan Usuluddin dan Falsafah, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, 7-9 Disember 2004), 247-252.

<sup>25</sup> Wan Zailan Kamaruddin, "Aliran al-Mujbirah dan Kesan Pemikirannya di Malaysia," *Jurnal Usuluddin* 12 (2000), 59-72.

<sup>26</sup> Muhammad Atiullah Othman, Indriaty Ismail dan Ibrahim Abu Bakar, "Kehendak Manusia: Justifikasi dan Pengkategorian Berdasarkan Tanggungjawab," *Jurnal Islammiyyat* 36, no. 1 (2014), 57-62.



dan sebahagian yang lain tidak perlu dipertanggungjawabkan. Menyentuh berkenaan tanggungjawab manusia, Wan Zailan Kamaruddin dalam artikelnya yang bertajuk *Konsep Kewajiban dan Tanggungjawab (al-Taklif) Dalam Pemikiran Islam: Penerapan dan Aplikasinya Dalam Kehidupan Masyarakat Muslim*<sup>27</sup> mengemukakan dua bentuk *al-taklif* iaitu *taklif ma la yutaq* (luar kemampuan manusia) dan *taklif ma yutaq* (dalam kemampuan manusia).

Sebahagian orang bukan Islam beranggapan bahawa konsep takdir telah menyebabkan umat Islam lemah dan mundur. Perlu ditegaskan bahawa bukanlah konsep takdir itu sendiri menjadi faktor kemunduran, akan tetapi kesalahfahaman terhadap konsep tersebut. Oleh itu, konsep takdir sangat perlu difahami secara tepat dan benar kerana ia bukan sahaja bukti kepada keimanan seseorang, malah memberikan kesan positif terutamanya dari sudut tingkah laku dan psikologi. Kesalahfahaman pula akan memanifestasikan kehidupan yang negatif dan hambar. Banyak kajian dan penulisan telah dibuat berkenaan pemahaman terhadap konsep takdir sama ada penilaian kefahaman tokoh atau kefahaman masyarakat.

Ramai tokoh yang memahami konsep takdir seperti mana faham ulama *al-Ash'ariyyah* iaitu menerima dan menggunakan teori *al-Kasb*. Walaupun segalanya telah ditetapkan, manusia tetap diberi peluang untuk membuat pilihan. Antara penulisan tersebut ialah *Konsep Qada' Dan Qadar Dalam Kitab Hikam Karya Ibnu Ata'allah as-Sakandari*<sup>28</sup> oleh Achmad Syukron Abidin yang menyebutkan bahawa manusia berada dalam keadaan kondisi yang pasif namun kepasifan tersebut seharusnya dihalakan kepada jalan menuju Allah.

*Al-Kasb* merupakan satu konsep yang diperkenalkan oleh aliran *ahl-Sunnah wal al-Jama'ah* dalam memahami hubungan antara *Af'al Allah* dengan *af'al al-'Ibad* dalam usaha menyucikan Allah dari bersifat dengan baharu. Kajian yang bertajuk *Af'al Allah Menurut al-Jurjani (m.816H-1413H): Kajian dan Terjemahan Teks Terpilih dari Sharh al-Mawaqif* oleh Mohd Hamidi Ismail yang mendedahkan perbincangan *al-Asha'irah* melalui olahan al-Jurjani. Metodologi yang digunakan oleh aliran *al-Asha'irah* terbukti mampu menjawab permasalahan yang timbul daripada perbincangan *Af'al Allah*.<sup>29</sup>

Walaupun terdapat tokoh yang tidak menyandarkan diri atas penjenamaan dua aliran *al-Asha'irah* dan *al-Maturidiyyah*, namun kefahaman terhadap konsep takdir hampir selari dengan kedua aliran tersebut. Bagi kajian Fadillah Ulfa yang bertajuk *Beberapa Isu Pilihan Berkaitan*

---

<sup>27</sup> Wan Zailan Kamaruddin, "Konsep Kewajiban dan Tanggungjawab (al-Taklif) Dalam Pemikiran Islam: Penerapan dan Aplikasinya Dalam Kehidupan Masyarakat Muslim," *Ushuluddin: Jurnal Tentang Kajian Pemikiran Islam Klasik dan Modern* 8, no. 2, 132-140.

<sup>28</sup> Achmad Syukron Abidin, "Konsep Qada' Dan Qadar Dalam Kitab Hikam Karya Ibnu Ata'allah as-Sakandari" (disertasi sarjana Universitas Islam Negeri Sunan Kalijaga, Yogyakarta, 2015).

<sup>29</sup> Mohd Hamidi Ismail, "Af'al Allah Menurut al-Jurjani (m.816H-1413H): Kajian dan Terjemahan Teks Terpilih dari *Sharh al-Mawaqif*" (disertasi sarjana Usuluddin, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 2011).

*Qada' dan Qadar Menurut Ibn Qayyim al-Jawziyyah: Kajian Kitab Shifa' al-'Alil*<sup>30</sup> cuba menilai kefahaman Ibn Qayyim dengan menfokuskan beberapa isu seperti menjadikan takdir sebagai hujah dalam perlakuan, ketetapan takdir sama ada bahagia atau sengsara sebelum manusia dicipta serta isu hidayah dan kesesatan dalam takdir Allah. Kajian ini menyimpulkan pandangan Ibn al-Qayyim dalam beberapa perbincangan konsep takdir senada dengan pegangan *Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah* yang menyanggahi aliran *al-Mu'tazilah*, *al-Qadariyyah* dan *al-Jabariyyah*.

Walaupun begitu, terdapat juga tokoh yang beranggapan bahawa konsep takdir yang didoktrinasi oleh aliran *al-Asha'irah* masih belum lagi lengkap dan sempurna dengan argumentasi bahawa fahaman ini lebih cenderung kepada aliran *al-Jabariyyah*. Mereka melihat pegangan fahaman *al-Asha'irah* dalam perbincangan takdir yang mempengaruhi komuniti masyarakat telah melemahkan potensi dan merosakkan akal. Hal ini dapat dilihat berdasarkan kenyataan Wan Zailan Kamaruddin dalam artikelnya bertajuk *Konsep Perbuatan Allah (Af'al Allah) Dalam Pemikiran Islam, Pengaruh dan Kesannya Kepada Pemikiran Umat Islam di Malaysia*.<sup>31</sup> Oleh itu, terdapat tokoh yang cuba mengemukakan definisi dan teori baru yang dianggap lebih cemerlang bagi memaksimumkan kefahaman konsep takdir dalam kalangan muslim. Sebagai contohnya, kajian bertajuk *Konsep Qada' Qadar (Studi Kritis Penafsiran Muhammad Syahrur Terhadap Ayat-Ayat Qada' Qadar)* oleh Himawan Fahmy Labieb.<sup>32</sup> Begitu juga dengan penulisan *Pemikiran Za'ba dalam Falsafah Takdir (1932)*<sup>33</sup> yang disusun oleh Nordi Achie dengan cubaan mengangkat pemikiran tokoh intelektual Melayu ini dalam masalah takdir dengan mengemukakan fahaman kebebasan ikhtiar manusia. Nordi cuba mengulas pemikiran Za'ba terhadap iktikad takdir dan nasib berdasarkan karya Za'ba bertajuk *Umbi Kemajuan atau Falsafah Takdir* pada tahun 1932. Walaupun begitu, pengkaji beranggapan bahawa tanggapan tokoh-tokoh tersebut terhadap aliran *al-Asha'irah* tidak dibina atas acuan fahaman *al-Asha'irah* sendiri yang bersifat matang dan kompleks.

Malah kajian bersifat lapangan pengaplikasian teori telah dilakukan oleh Zunus Safrudin bertajuk *Konsep Takdir Murtadha Muthahhari Dan Implikasinya Dengan Pembentukan Akhlak Peserta Didik Dalam Pendidikan Agama Islam* bagi membuktikan bahawa teori yang dibina daripada fahaman tokoh tersebut adalah terbaik.<sup>34</sup> Melalui konsep takdir menurut tokoh Murtadha Muthahhari, Zunus cuba membentuk akhlak pelajar yang sering melakukan perbuatan nakal yang beralaskan ia adalah perbuatan Tuhan. Berdasarkan kajian ini, konsep yang

---

<sup>30</sup> Fadillah Ulfa. "Beberapa Isu Pilihan Berkaitan *Qada' dan Qadar* Menurut Ibn Qayyim al-Jawziyyah: Kajian Kitab *Shifa' al-'Alil*" (disertasi sarjana Usuluddin, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 2012).

<sup>31</sup> Wan Zailan Kamaruddin, "Konsep Perbuatan Allah (Af'al Allah) Dalam Pemikiran Islam, Pengaruh dan Kesannya Kepada Pemikiran Umat Islam di Malaysia," *Jurnal Pengajian Melayu* 14 (2004), 48-63.

<sup>32</sup> Himawan Fahmy Labieb, "Konsep Qada' Qadar (Studi Kritis Penafsiran Muhammad Syahrur Terhadap Ayat-Ayat Qada' Qadar)" (disertasi sarjana Theologi Islam, Institut Islam Agama Negeri Sunan Kalijaga, Yogyakarta, 2003).

<sup>33</sup> Nordi Achie, *Pemikiran Za'ba dalam Falsafah Takdir (1932)* (Sabah: Universiti Malaysia Sabah, 2006).

<sup>34</sup> Zunus Safrudin, "Konsep Takdir Murtadha Muthahhari Dan Implikasinya Dengan Pembentukan Akhlak Peserta Didik Dalam Pendidikan Agama Islam" (disertasi sarjana Pendidikan Islam, Universitas Islam Negeri Sunan Kalijaga, Yogyakarta, 2014).

difahami dapat memberikan ketenangan jiwa dan dorongan motivasi untuk sentiasa memperbaiki diri seterusnya menekan jiwa untuk selalu mendekati diri kepada Allah.

Penulisan bertajuk *Qadak dan Qadar dalam Pemikiran al-Hadi dan Za'ba* oleh Ibrahim Abu Bakar pula cuba membuat perbandingan kefahaman antara tokoh mengenai konsep takdir.<sup>35</sup> Al-Hadi dan Za'ba mempunyai persamaan dalam membidas dan menolak fahaman Jabariyah. Namun terdapat sedikit perbezaan objektif penulisan karya mengenai takdir kedua tokoh ini. Pengkaji melihat penulisan karya dua tokoh ini adalah berdasarkan latar belakang zaman dan keadaan situasi masyarakat umat Islam sekeliling. Bagi al-Hadi, tujuannya bagi menepis pandangan bangsa asing yang menuduh umat Islam di Tanah Melayu mundur, lemah dan miskin disebabkan keimanan kepada *al-Qada'* dan *al-Qadar*. Bagi Za'ba pula penulisan karyanya bagi menolak kesalahfahaman masyarakat Melayu mengenai takdir dan nasib serta memperbetulkan kefahaman mereka mengenai tujuan kejadian manusia, juga *Qudrah* dan *Iradah* Allah.

Kajian berbentuk perbandingan kefahaman tokoh juga dapat dilihat dalam *Kajian Hadis Tentang Konsep Ikhtiar Dan Takdir Dalam Pemikiran Muhammad al-Ghazali Dan Nurcholish Madjid (Studi Komparasi Pemikiran)* oleh Mu'ammam.<sup>36</sup> Bagi Muhammad al-Ghazali, makhluk berada dalam kondisi yang bebas dan terpaksa dalam satu masa yang sama. Bagi Nurcholish Madjid pula, manusia hidup pada dua dasar iaitu dunia dan akhirat. Oleh itu, kebebasan harus dicari dalam konteks di tengah masyarakat walaupun hakikat kebebasan itu terdapat batasannya. Jika diteliti, terdapat persamaan fikrah antara kedua tokoh ini dalam membanteras fahaman fatalisme yang merebak dalam umat Islam dengan menghuraikan konsep ikhtiar dan takdir mengikut acuan agama Islam.

Selain kajian terhadap kefahaman tokoh, terdapat juga beberapa penulisan yang mengkaji tentang aras kefahaman masyarakat terhadap konsep takdir antaranya ialah penulisan bertajuk *Konsep Qada' dan Qadar di Dalam Islam: Suatu Kajian Tentang Kefahaman Orang Melayu di Bandar Kuantan* oleh Syed Mohammad Hilmi.<sup>37</sup> Selain mengupas beberapa permasalahan sekitar *al-Qada'* dan *al-Qadar*, turut disentuh ialah analisis kefahaman masyarakat terhadap konsep takdir menggunakan kaedah soal selidik. Berdasarkan hemat pengkaji sendiri, kefahaman subjek kajian agak tinggi adalah kerana subjek berbangsa Melayu yang sudah sehati dengan ajaran agama Islam. Berbeza pula dengan kajian oleh Imanniah Ishak yang bertajuk *Kajian Tentang Kefahaman Terhadap Qada Dan Qadar Di Kalangan Saudara Baru Di Wilayah*

---

<sup>35</sup> Ibrahim Abu Bakar, "Qadak dan Qadar dalam Pemikiran al-Hadi dan Za'ba" (makalah, Seminar Za'ba Mengenai Alam Melayu (Nilai-nilai Peradaban Melayu), 12-14 Ogos 2003).

<sup>36</sup> Mu'ammam, "Kajian Hadis Tentang Konsep Ikhtiar Dan Takdir Dalam Pemikiran Muhammad al-Ghazali Dan Nurcholish Madjid (Studi Komparasi Pemikiran)" (disertasi sarjana Theologi Islam, Universitas Islam Negeri Syarif Hidayatullah, Jakarta, 2011).

<sup>37</sup> Syed Mohammad Hilmi, "Konsep Qada' dan Qadar di Dalam Islam: Suatu Kajian Tentang Kefahaman Orang Melayu di Bandar Kuantan" (disertasi sarjana Usuluddin, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 2001).

*Persekutuan, Kuala Lumpur*<sup>38</sup> mengkaji berkaitan pengajian akidah yang dijalankan oleh beberapa institusi kepada golongan muallaf dengan menfokuskan kepada perbahasan takdir. Dalam kajian ini, kaedah temu bual dan soal selidik telah digunakan kepada subjek iaitu muallaf di Kuala Lumpur bagi melihat aras kefahaman mereka terhadap konsep *al-Qada' dan al-Qadar*.

Selain penulisan berbentuk kajian, terdapat banyak penulisan berbentuk teoritikal yang membincangkan perbahasan konsep takdir secara menyeluruh. Karya-karya ini menyentuh definisi *al-Qada' dan al-Qadar* dan konsepnya, pembahagian atau martabatnya, dalil-dalil nas yang berkaitan dan mazhab-mazhab yang lahir daripada faham terhadapnya. Karya-karya ini juga menghurai dan merungkai berkenaan persoalan yang sentiasa wujud sekitar perbahasan takdir seterusnya memperbetulkan kesalahfahaman yang wujud dalam masyarakat Islam. Penulisan karya-karya ini juga sebagai bukti bahawa pentingnya membina kefahaman terhadap konsep takdir dalam jiwa individu Islam serta membentuk keimanan yang kukuh seterusnya menolak dakwaan dan doktrin yang bercanggah dengan konsep takdir yang sebenar.

Kepercayaan terhadap takdir bukan sahaja menjadi salah satu asas utama kepada keimanan, bahkan ia dapat membina psikologi yang positif bermula dengan pembentukan jiwa dan rohani seterusnya menjernihkan aspek kognitif serta mengawal tingkah laku. Kenyataan ini disokong oleh beberapa penulisan yang cuba membuat perkaitan antara konsep takdir dengan isu psikologi yang dispesifikasikan. Antaranya ialah penulisan artikel bertajuk *Kesan Kefahaman Konsep Takdir Terhadap Pembangunan Modal Insan*,<sup>39</sup> oleh Syed Mohammad Hilmi Syed Abdul Rahman dan Che Zarrina Sa'ari yang mengupas pembangunan modal insan adalah dipengaruhi aspek kerohanian melalui penghuraian pembentukan pemikiran dan tingkah laku pekerja muslim dapat dilakukan melalui kefahaman konsep takdir. Pekerja yang mempunyai kefahaman yang benar sentiasa berfikiran positif dan optimis.

Kefahaman konsep takdir yang tepat bukan sekadar memberi implikasi positif kepada psikologi minda manusia, bahkan lebih jauh apabila ia mendorong pembentukan pandangan kosmologi yang lebih cemerlang. Kenyataan ini cuba dibuktikan oleh Fadilah Zaini di dalam *Ketuhanan dan Manusia Dalam Pembentukan Peradaban Manusia Menurut Perspektif Islam* yang mengupas bagaimana kefahaman terhadap konsep takdir umat Islam lampau menjadi pencetus dan pendorong kepada pembentukan dan perkembangan peradaban manusia yang gemilang.<sup>40</sup>

Berdasarkan hemat pengkaji, psikologi manusia dalam membuat satu pilihan sama ada bersifat positif atau negatif dipengaruhi oleh keyakinan kepada *al-Qada' dan al-Qadar*. Kepercayaan kepada konsep takdir juga merupakan salah satu kaedah bagi melahirkan mental

---

<sup>38</sup> Imanniah Ishak, "Kajian Tentang Kefahaman Terhadap Qada dan Qadar Di Kalangan Saudara Baru Di Wilayah Persekutuan, Kuala Lumpur" (disertasi sarjana Usuluddin, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 2008).

<sup>39</sup> Syed Mohammad Hilmi Syed Abdul Rahman dan Che Zarrina Sa'ari, "Kesan Kefahaman Konsep Takdir Terhadap Pembangunan Modal Insan," *Jurnal Usuluddin* 27, (2008), 1-23.

<sup>40</sup> Fadilah Zaini, "Ketuhanan dan Manusia Dalam Pembentukan Peradaban Manusia Menurut Perspektif Islam," *Jurnal Kemanusiaan* (Januari 2004), 95-105.

yang sehat. Hal ini dibuktikan dalam beberapa kajian seperti kajian oleh Ahmad Sofyan yang bertajuk *Keimanan Terhadap Qadla (Qada') dan Qadar Kaitannya Dengan Rasa Percaya Diri Pada Remaja Tunanetra*.<sup>41</sup> Kajian ini membuktikan bahwa remaja yang mempunyai cacat penglihatan membina kepercayaan diri dalam menyelesaikan masalah kehidupan melalui keimanan kepada *al-Qada'* dan *al-Qadar*.

Kenyataan pengkaji tadi turut disokong berdasarkan penulisan sarjana oleh Yuliyanti Fatkhiyatun Nafiah bertajuk *Pengaruh Pemahaman Konsep Takdir Terhadap Keaktifan Belajar Siswa Kelas IX SMP Negeri 2 Banyubiru Kabupaten Semarang Tahun 2011* melalui pendekatan kuantitatif dan metode penelitian telah membuktikan bahwa wujudnya pengaruh yang positif antara pemahaman konsep takdir yang dimiliki oleh sekumpulan mahasiswa dengan keaktifan belajar mereka.<sup>42</sup> Begitu juga dengan artikel bertajuk *Psikologi Qadak Dan Qadar* oleh Khairunnas Rajab dan Wan Muhammad Fariq.<sup>43</sup> Artikel ini menyimpulkan kesihatan mental seseorang sentiasa boleh terwujud dengan keyakinan yang kukuh terhadap *al-Qada'* dan *al-Qadar* tanpa memandang apa pun aliran yang diikutinya.

Selain daripada penulisan dan kajian yang menyentuh berkenaan konsep takdir, terdapat banyak penulisan berbentuk teoritikal yang membincangkan perbincangan konsep takdir secara menyeluruh. Antaranya ialah *al-Qada' wa al-Qadar* oleh Abu Bakr Ahmad al-Baihaqi,<sup>44</sup> *al-Iman bi al-Qada' wa al-Qadar* oleh Muhammad bin Ibrahim al-Hamd,<sup>45</sup> *al-Qada' wa al-Qadar* oleh 'Umar Sulaiman 'Abd Allah al-'Ashqar,<sup>46</sup> *al-Iman bi al-Qada' wa al-Qadar* oleh Muhammad Hassan,<sup>47</sup> *al-Iman bi al-Qadr* oleh Yusuf al-Qaradawi,<sup>48</sup> *Qada' Qadar* oleh Abdul Wafa' Muhammad Darwisy,<sup>49</sup> *Shifa' al-'Alil fi Masa'il al-Qada' wa al-Qadar wa al-Hikmah wa al-Ta'lil* oleh Ibn Qayyim al-Jauziyyah<sup>50</sup> yang pernah diterjemah dengan tajuk *Qadha' dan Qadar: Ulasan Tuntas Masalah Takdir* oleh penerjemah Abdul Ghaffar,<sup>51</sup> *al-Qada' wa al-Qadar 'inda al-*

---

<sup>41</sup> Ahmad Sofyan, "Keimanan Terhadap Qadla dan Qadar Kaitannya Dengan Rasa Percaya Diri Pada Remaja Tunanetra" (disertasi sarjana Sosial Islam, Universitas Islam Negeri Sunan Kalijaga, Yogyakarta, 2008).

<sup>42</sup> Yuliyanti Fatkhiyatun Nafiah, "Pengaruh Pemahaman Konsep Takdir Terhadap Keaktifan Belajar Siswa Kelas IX SMP Negeri 2 Banyubiru Kabupaten Semarang Tahun 2011" (disertasi sarjana Pendidikan Islam, Program Studi Pendidikan Agama Islam, Sekolah Tinggi Agama Islam Negeri (Stain), Salatiga, 2011).

<sup>43</sup> Khairunnas Rajab dan Wan Muhammad Fariq, "Psikologi Qadak Dan Qadar," *Jurnal Hadhari* 6, no. 1 (2014), 13-26.

<sup>44</sup> Abu Bakr Ahmad al-Baihaqi, *al-Qada' wa al-Qadar* (Kaherah: Dar al-Taufiqiyyah li al-Turath, 2010).

<sup>45</sup> Muhammad ibn Ibrahim al-Hamad, *al-Iman bi al-Qada' wa al-Qadar* (al-Riyadh: Dar Ibn Khuzaymah, 2007).

<sup>46</sup> 'Umar Sulaiman al-Ashqar, *al-Qada' wa al-Qadar* (Urdun: Dar al-Nafais, 2007).

<sup>47</sup> Muhammad Hassan, *al-Iman bi al-Qada' wa al-Qadar*, ed. ke-2 (Mesir: Maktabah Fayad, 2006).

<sup>48</sup> Yusuf al-Qaradawi, *al-Iman bi al-Qadr* (Kaherah: Maktabah Wahbah, 2000).

<sup>49</sup> Abdul Wafa' Muhammad Darwisy, *Qadho Qadar*, terj. Jamaluddin Kafie (Singapura: Pustaka Nasional, 1981).

<sup>50</sup> Ibn Qayyim al-Jawziyyah, *Shifa' al-'Alil fi Masa'il al-Qada' wa al-Qadar wa al-Hikmah wa al-Ta'lil* (Bayrut: Dar al-Ma'rifah, 1978).

<sup>51</sup> Ibnu Qayyim Al-Jauziyyah, *Qadha' dan Qadar: Ulasan Tuntas Masalah Takdir*, terj. Abdul Ghaffar (Jakarta: Pustaka Azzam, 2000).

*Muslimin: Dirasah wa Tahlil* oleh Ismail Muhammad al-Qarni,<sup>52</sup> *al-Iman bi al-Qada' wa al-Qadar wa Masail Ukhra fi al-'Aqidah* oleh 'Abd Allah ibn Zayd al-Mahmud,<sup>53</sup> *al-Qada' wa al-Qadar Bayna al-Falsafah wa al-Din: al-Jabr wa al-Ikhtiyar, al-Asbab wa al-Musabbabat, al-Khayr wa al-Sharr* oleh 'Abd al-Karim al-Khatib,<sup>54</sup> *Kitab al-Qadar* oleh Abi Bakr Ja'far al-Firyabi<sup>55</sup> dan *Beriman Kepada Qadak dan Qadar* oleh Abdul Hadi Awang.<sup>56</sup> Karya-karya ini menyentuh definisi *al-Qada'* dan *al-Qadar* dan konsepnya, pembahagian atau martabatnya, dalil-dalil nas yang berkaitan dan mazhab-mazhab yang lahir daripada faham terhadapnya. Karya-karya ini juga menghurai dan merungkai berkenaan persoalan yang sentiasa wujud sekitar perbincangan takdir seterusnya memperbetulkan kesalahfahaman yang wujud dalam masyarakat Islam.

## Kesimpulan

Berdasarkan kepada perbincangan di atas, dapat difahami bahawa Islam tidak menghalang umatnya untuk berfikir tentang agama kerana terdapat banyak ayat al-Quran yang menganjurkan kepada penggunaan akal. Walaupun begitu, harus diakui bahawa akal itu bersifat lemah, maka syarak tidak benarkan ia digunakan untuk memikirkan secara mendalam lantas membuat konklusi kepada perkara-perkara *sam'iyat* termasuklah berkenaan permasalahan *al-Qada'* dan *al-Qadar*. Berkenaan kajian literatur pula, dapat disimpulkan bahawa banyaknya penulisan mengenai perbincangan takdir adalah sebagai bukti bahawa pentingnya membina kefahaman terhadap konsep takdir dalam jiwa individu Islam serta membentuk keimanan yang kukuh seterusnya menolak dakwaan dan doktrin yang bercanggah dengan konsep takdir yang sebenar. Perkara ini sangat penting kerana tidak memahami *al-Qada'* dan *al-Qadar* dengan benar dan tepat akan menatijahkan kerapuhan iman serta melahirkan sikap berputus asa dalam diri seseorang muslim.

## Rujukan

'Abd al-Karim al-Khatib. *Al-Qada' wa al-Qadar Bayna al-Falsafah wa al-Din: al-Jabr wa al-Ikhtiyar, al-Asbab wa al-Musabbabat, al-Khayr wa al-Sharr*, ed. ke-2. Kaherah: Dar al-Fikr al-'Arabi, 1979.

'Abd Allah ibn Zayd al-Mahmud. *Al-Iman bi al-Qada' wa al-Qadar wa Masa'il Ukhra fi al-'Aqidah*. Bayrut: Mu'assasat al-Risalah, 1984.

Abdul Hadi Awang. *Beriman Kepada Qadak dan Qadar*. Selangor: PTS Publications, 2008.

---

<sup>52</sup> Isma'il Muhammad al-Qarni, *al-Qada' wa al-Qadar 'inda al-Muslimin: Dirasah wa Tahlil* (Bayrut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah, 2006).

<sup>53</sup> 'Abd Allah ibn Zayd al-Mahmud, *al-Iman bi al-Qada' wa al-Qadar wa Masa'il Ukhra fi al-'Aqidah* (Bayrut: Mu'assasat al-Risalah, 1984).

<sup>54</sup> 'Abd al-Karim al-Khatib, *al-Qada' wa al-Qadar Bayna al-Falsafah wa al-Din: al-Jabr wa al-Ikhtiyar, al-Asbab wa al-Musabbabat, al-Khayr wa al-Sharr*, ed. ke-2 (Kaherah: Dar al-Fikr al-'Arabi, 1979).

<sup>55</sup> Abu Bakr Ja'far Al-Firyabi, *Kitab al-Qadar*, tahqiq Khalid Mustafa Tartusi (Bayrut: al-Maktabah al-'Asriyah, 2007).

<sup>56</sup> Abdul Hadi Awang, *Beriman Kepada Qadak dan Qadar* (Selangor: PTS Publications, 2008).

- Abdul Wafa' Muhammad Darwisy. *Qodho Qadar*, terj. Jamaluddin Kafie. Singapura: Pustaka Nasional, 1981.
- Abdull Rahman Mahmood dan Mohd Haidhar. Nazariah Af'al al-'Ibad 'Inda al-Mu'tazilah. *International Journal of Islamic Thought* (Disember 2014).
- Abdull Rahman Mahmood dan Mudasir Rosder. "Persoalan Perbuatan Manusia Menurut Pandangan Syeikh Daud al-Fatani." Makalah, International Seminar On Islamic Thoughts Proceedings, Islam: Past, Present And Future, Jabatan Usuluddin dan Falsafah, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, 7-9 Disember 2004.
- Abu Muhammad Waskito. *Mendamaikan Ahlus Sunnah wal Jamaah*. Jakarta: al-Kautsar, 2012.
- Achmad Syukron Abidin. Konsep Qada' Dan Qadar Dalam Kitab Hikam Karya Ibnu Ata'allah as-Sakandari. Disertasi sarjana Universitas Islam Negeri Sunan Kalijaga, Yogyakarta, 2015.
- Ahmad Sofyan. Keimanan Terhadap Qadla dan Qadar Kaitannya Dengan Rasa Percaya Diri Pada Remaja Tunanetra. Disertasi sarjana Sosial Islam, Universitas Islam Negeri Sunan Kalijaga, Yogyakarta, 2008.
- Ahmad Sunawari Long. "Falsafah Fatalisme Dan Minda Melayu." Makalah, International Seminar On Islamic Thoughts Proceedings, Islam: Past, Present And Future, Jabatan Usuluddin dan Falsafah, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, 7-9 Disember 2004.
- Al-Baihaqi, Abu Bakr Ahmad. *Al-Qada' wa al-Qadar*, tahqiq Ihab Muhammad Maqatif. Kaherah: Dar al-Taufiqiyah li al-Turath, 2010.
- Al-Bukhari, Abu Abd Allah Muhammad bin Isma'il. "Sahih al-Bukhari," dalam *Mausu'ah al-Hadith al-Syarif al-Kutub al-Sittah*, ed. Salih bin Abd al-Aziz Al al-Shaykh. Riyadh: Dar al-Salam, 2000.
- Al-Firyabi, Abu Bakr Ja'far. *Kitab al-Qadar*, tahqiq Khalid Mustafa Tartusi. Bayrut: al-Maktabah al-'Asriyah, 2007.
- Al-Qaradawi, Yusuf al-Qaradawi. *Al-Iman bi al-Qadr*. Kaherah: Maktabah Wahbah, 2000.
- Al-Tahawi, Abu Ja'far al-Tahawi. *Matan al-'Aqidah al-Tahawiyyah, bayan 'Aqidah Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah*. Bayrut : Dar Ibn Hazm, 1995.
- Al-Tirmidhi, Abu 'Isa Muhammad bin 'Isa. "Jami' al-Tirmidhi," dalam dalam *Mausu'ah al-Hadith al-Syarif al-Kutub al-Sittah*, ed. Salih bin 'Abd al-'Aziz Al al-Shaykh. Riyad: Dar al-Salam, 2000.
- Cipto Raharjo. Karya Patung Sebagai Media Ekspresi Perenungan Kemerdekaan Manusia Dalam Menentukan Pilihan Nasib. Disertasi Sarjana Universitas Sebelas Maret, Surakarta, 2004.
- Engku Ahmad Zaki Engku Alwi. Al-Mu'tazilah wa Musahamatuhum fi al-Fikr al-Islami. *Jurnal Usuluddin* 18 (2003).
- Fadilah Zaini. Ketuhanan dan Manusia Dalam Pembentukan Peradaban Manusia Menurut Perspektif Islam. *Jurnal Kemanusiaan* (Januari 2004).
- Fadillah Ulfa. Beberapa Isu Pilihan Berkaitan Qada' dan Qadar Menurut Ibn Qayyim al-Jawziyyah: Kajian Kitab *Shifa' al-'Alil*. Disertasi sarjana Usuluddin, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 2012.

- Hadiy 'Alwan Najm al-Mawla. Qadaya al-Qadr: Dirasat Mawdu'iyat 'Aqdiyah fi Sahih al-Bukhari. Tesis kedoktoran Usuluddin, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 2014.
- Himawan Fahmy Labieb. Konsep Qada' Qadar, Studi Kritis Penafsiran Muhammad Syahrur Terhadap Ayat-Ayat Qada' Qadar. Disertasi sarjana Theologi Islam, Institut Islam Agama Negeri Sunan Kalijaga, Yogyakarta, 2003.
- Ibn Majah, Abu 'Abd Allah Muhammad. "Sunan Ibn Majah," dalam *Mausu'ah al-Hadith al-Syarif al-Kutub al-Sittah*, ed. Salih bin 'Abd al-'Aziz Al al-Shaykh. Riyad: Dar al-Salam, 2000.
- Ibn Qayyim al-Jawziyah. *Shifa' al-'Alil fi Masa'il al-Qada' wa al-Qadar wa al-Hikmah wa al-Ta'lil*. Bayrut: Dar al-Ma'rifah, 1978.
- Ibnu Qayyim al-Jauziyah. *Qadha' dan Qadar: Ulasan Tuntas Masalah Takdir*, terj. Abdul Ghaffar. Jakarta: Pustaka Azzam, 2000.
- Ibrahim Abu Bakar. "Qadak dan Qadar dalam Pemikiran al-Hadi dan Za'ba." Makalah Seminar Za'ba Mengenai Alam Melayu (Nilai-nilai Peradaban Melayu), 12-14 Ogos 2003.
- Imanniah Ishak. Kajian Tentang Kefahaman Terhadap Qada dan Qadar Di Kalangan Saudara Baru Di Wilayah Persekutuan, Kuala Lumpur. Disertasi sarjana Usuluddin, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 2008.
- Isma'il Muhammad al-Qarni. *Al-Qada' wa al-Qadar 'inda al-Muslimin: Dirasah wa Tahlil*. Bayrut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah, 2006.
- Khairunnas Rajab dan Wan Muhammad Fariq. Psikologi Qadak Dan Qadar. *Jurnal Hadhari* 6, no. 1 (2014).
- Mira Fauziah. Beriman Kepada Qadha Dan Qadar Dalam al-Qur'an. *Jurnal al-Mu'ashirah* 11, no. 1 (Januari 2014).
- Mohd Hamidi dan Mohd Fauzi. Af'al Allah menurut Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah," *Jurnal Afkar* 17 (2015), 1-24.
- Mohd Hamidi Ismail. Af'al Allah Menurut al-Jurjani (m.816H-1413H): Kajian dan Terjemahan Teks Terpilih dari *Sharh al-Mawaqif*. Disertasi sarjana Usuluddin, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 2011.
- Mu'ammarr. Kajian Hadis Tentang Konsep Ikhtiar Dan Takdir Dalam Pemikiran Muhammad al-Ghazali Dan Nurcholish Madjid (Studi Komparasi Pemikiran). Disertasi sarjana Theologi Islam, Universitas Islam Negeri Syarif Hidayatullah, Jakarta, 2011.
- Muhammad Atiullah Othman, Indriaty Ismail dan Ibrahim Abu Bakar. Kehendak Manusia: Justifikasi dan Pengkategorian Berdasarkan Tanggungjawab. *Jurnal Islammiyyat* 36, no. 1 (2014).
- Muhammad Hassan. *Al-Iman bi al-Qada' wa al-Qadar*, ed. ke-2. Mesir: Maktabah Fayad, 2006.
- Muhammad ibn Ibrahim al-Hamd. *Al-Iman bi al-Qada' wa al-Qadar*. Riyad: Dar Ibn Khuzaymah, 2007.
- Muhy al-Din al-Nawawi. *Al-Minhaj Syarh Sahih Muslim bin al-Hajjaj*. Bayrut: Dar al-Ma'rifah, 1995.



- Muslim, Abu al-Husayn Muslim bin al-Hajaj bin Muslim. "Sahih Muslim," dalam *Mausu'ah al-Hadith al-Syarif al-Kutub al-Sittah*, ed. Salih bin 'Abd al-'Aziz Al al-Shaykh. Riyad: Dar al-Salam, 2000.
- Nordi Achie. *Pemikiran Za'ba dalam Falsafah Takdir (1932)*. Sabah: Universiti Malaysia Sabah, 2006.
- Salim `led al-Hilali. *Al-Manahisy Syar'iyah fi Sahih al-Sunnah al-Nabawiyah*, Ensiklopedi Larangan menurut al-Quran dan al-Sunnah, terj. Abu Ihsan al-Atsari. Pustaka Imam Syafi'i, 2006.
- Suhaib 'Abd al-Jabbar. *Kitab al-Jami' al-Sahih li Sunan wa al-Masanid*. t.t: t.tp.
- Syed Mohammad Hilmi Syed Abdul Rahman dan Che Zarrina Sa'ari. Kesan Kefahaman Konsep Takdir Terhadap Pembangunan Modal Insan. *Jurnal Usuluddin* 27, (2008).
- Syed Mohammad Hilmi. Konsep Qada' dan Qadar di Dalam Islam: Suatu Kajian Tentang Kefahaman Orang Melayu di Bandar Kuantan. Disertasi sarjana Usuluddin, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 2001.
- Syed Mohammad Hilmi. Permasalahan Sekitar Qada' dan Qadar. *Jurnal Afkar* 7 (2006).
- 'Umar Sulaiman al-Ashqar. *Al-Qada' wa al-Qadar*. Urdun: Dar al-Nafais, 2007.
- Wan Zailan Kamaruddin. Aliran al-Mujbirah dan Kesan Pemikirannya di Malaysia. *Jurnal Usuluddin* 12 (2000).
- Wan Zailan Kamaruddin. Konsep Kewajiban dan Tanggungjawab (al-Taklif) Dalam Pemikiran Islam: Penerapan dan Aplikasinya Dalam Kehidupan Masyarakat Muslim. *Ushuluddin: Jurnal Tentang Kajian Pemikiran Islam Klasik dan Modern* 8, no. 2 (2008).
- Wan Zailan Kamaruddin. Konsep Perbuatan Allah (Af'al Allah) Dalam Pemikiran Islam, Pengaruh dan Kesannya Kepada Pemikiran Umat Islam di Malaysia. *Jurnal Pengajian Melayu* 14 (2004).
- Yuliyanti Fatkhiyatun Nafiah. Pengaruh Pemahaman Konsep Takdir Terhadap Keaktifan Belajar Siswa Kelas IX SMP Negeri 2 Banyubiru Kabupaten Semarang Tahun 2011. Disertasi sarjana Pendidikan Islam, Program Studi Pendidikan Agama Islam, Sekolah Tinggi Agama Islam Negeri, Salatiga, 2011.
- Zunus Safrudin. Konsep Takdir Murtadha Muthahhari Dan Implikasinya Dengan Pembentukan Akhlak Peserta Didik Dalam Pendidikan Agama Islam. Disertasi sarjana Pendidikan Islam, Universitas Islam Negeri Sunan Kalijaga, Yogyakarta, 2014.